**SENARAI SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI DAN SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2019**

BIL	SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI	SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN PERSEKUTUAN
1	<b>SURAT PEK. PERKH. NEGERI BIL. 1 TAHUN 2019</b> Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019	<b>SURAT PEK. PERKH. PERSEKUTUAN BIL. 1 TAHUN 2019</b> Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019
2	<b>SURAT PEK. PERKH. NEGERI BIL. 2 TAHUN 2019</b> Kemudahan Cuti Keagamaan	<b>SURAT PEK. PERKH. PERSEKUTUAN BIL. 2 TAHUN 2019</b> Kemudahan Cuti Keagamaan
3	<b>SURAT PEK. PERKH. NEGERI BIL. 3 TAHUN 2019</b> Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual Di Tempat Kerja	<b>SURAT PEK. PERKH. PERSEKUTUAN BIL. 3 TAHUN 2019</b> Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual Di Tempat Kerja
4	<b>SURAT PEK. PERKH. NEGERI BIL. 4 TAHUN 2019</b> Pemanjangan Kemudahan Cuti Kuarantin Pegawai Lantikan Kontrak (Contract Of Service)	<b>SURAT PEK. PERKH. PERSEKUTUAN BIL. 4 TAHUN 2019</b> Pemanjangan Kemudahan Cuti Kuarantin Pegawai Lantikan Kontrak (Contract Of Service)
5	<b>SURAT PEK. PERKH. NEGERI BIL. 5 TAHUN 2019</b> Bantuan Khas Kewangan	<b>SURAT PEK. PERKH. PERSEKUTUAN BIL. 5 TAHUN 2019</b> Bantuan Khas Kewangan



**LAPORAN PELAKSANAAN LATIHAN TAHUN 2019**

BIL.	PELAKSANAAN	JUMLAH LATIHAN
1.	Program Transformasi Minda (Kursus Induksi Umum)	5
2.	Kursus Anjuran BPSM (Unit Latihan Dan Kompetensi) ***	27
3.	Kursus/ Program Anjuran Bahagian/ Unit SUK	12
4.	Kursus Anjuran INTAN Wilayah Timur	43
5.	Program Latihan UMI (Ubudiyah, Masuliyah, Itqan)	29
6.	Latihan Ketenteraan Wataniah	1
7.	Kursus Tasawwur Islam Lanjutan	1
<b>JUMLAH</b>		<b>118</b>

**LAPORAN PELAKSANAAN KOMPETENSI TAHUN 2019**

BIL.	PELAKSANAAN	JUMLAH LATIHAN
1.	Peperiksaan Anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	7
<b>JUMLAH</b>		<b>7</b>




**Bahagian Pengurusan**

# TEKNOLOGI

## MAKLUMAT

Aras 1, Blok 6,  
Kompleks Kota Darulnaim,  
15503 Kota Bharu, Kelantan.  
Tel : 09-748 1957  
Faks : 09-743 0504  
Emel : [bptm@kelantan.gov.my](mailto:bptm@kelantan.gov.my)



## Carta Organisasi

# BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT




**EN. NIK RAHIMIN B. WAN HUSSIN**  
Pengarah



**TN. HJ. MOHD ZAWAWI B. HJ. AB RAHMAN**  
Pegawai Teknologi Maklumat (Pembangunan)



**PN. SALINA BT. ADNAN**  
Pegawai Teknologi Maklumat (Operasi)



## PENGENALAN

Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat sebelum ini dikenali sebagai Pusat Maklumat Negeri yang telah ditubuhkan melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 13/95 yang bersidang pada 2 Ogos 1995 dan diletakkan di bawah Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) yang juga Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan).

Walau bagaimanapun setelah penstrukturan semula organisasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan melalui Surat Kelulusan Perjawatan Bil. N 120 Tahun 2007 oleh Perbendaharaan Malaysia, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat telah diletakkan di bawah Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2007.

Bahagian ini diketuai oleh seorang Pengarah yang mulai diisi pada 1 Februari 2009. Di bawah Bahagian ini terdapat dua (2) seksyen iaitu Seksyen Pembangunan dan Seksyen Operasi. Seksyen Pembangunan diketuai oleh Pegawai Teknologi Maklumat, Gred F48 dan mulai diisi pada 28 Oktober 2008 manakala Seksyen Operasi diketuai oleh Pegawai Teknologi Maklumat, Gred F44 dan pengisian telah dibuat pada 01 Julai 2014.

## VISI

Peneraju Penyampaian Perkhidmatan dan Pentadbiran Kerajaan Negeri Secara Digital Menjelang 2025

## MISI

Mengoptimumkan penggunaan ICT bagi memperkukuhkan Penyampaian Perkhidmatan dan Pentadbiran Kerajaan Negeri secara digital.

## FUNGSI TERAS

Secara ringkasnya, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat bertanggungjawab dalam perancangan, pembangunan dan pelaksanaan dasar dan perancangan Strategik ICT, perancangan dan pembangunan Sistem Maklumat, Pengurusan dan Pentadbiran ICT dan Pengurusan Server, Pangkalan Data dan Rangkaian Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Bahagian ini juga bertanggungjawab dalam Pengurusan Sistem dan Aplikasi Komputer, Keselamatan Sistem Maklumat Kerajaan dan Pemantauan Projek-Projek ICT. Selain itu, bahagian ini juga bertanggungjawab melaksanakan program latihan dan Pembudayaan ICT bagi warga perkhidmatan awam Negeri Kelantan. Mengadakan jalinan strategik (Strategic Linkages) ICT dengan Agensi Pusat seperti MAMPU, MDeC dan lain-lain lagi juga menjadi sebahagian tanggungjawab bahagian ini. Selain itu juga, Bahagian ini bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan Konsultansi/Khidmat Nasihat ICT, Perkhidmatan RTV Kelantan dan sokongan Teknikal ICT kepada bahagian/unit Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Agensi-agensi Kerajaan Negeri Kelantan.

# BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

## SEKSYEN PEMBANGUNAN

- Merancang, membangun dan melaksana dasar dan perancangan Strategik ICT Negeri Kelantan.
- Merancang, membangun dan menyelenggara sistem maklumat (Information System) Pejabat SUK Kelantan.
- Melaksanakan tadbir urus dan pemantauan projek-projek dan program ICT negeri.
- Memberi khidmat nasihat dalam pengurusan projek dan pembangunan Sistem Maklumat Kerajaan.
- Merancang dan melaksanakan program latihan dan pembudayaan ICT untuk pegawai/kakitangan kerajaan.
- Merancang dan melaksanakan Program Pembangunan Sains dan Teknologi Negeri Kelantan
- Melaksanakan program Jalinan Strategik ICT dengan agensi pusat.

## SEKSYEN OPERASI

- Mengurus dan menyelenggara Pusat Data, Command Centre dan DRC negeri Kelantan.
- Mengurus dan menyelenggara rangkaian dan infrastruktur rangkaian Kelantan\*Net di jabatan/agensi..
- Mengurus, memantau dan menyelenggara Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) semua jabatan/agensi negeri.
- Merancang dan melaksanakan program pembudayaan keselamatan ICT.
- Mengurus dan menyelenggara sub domain dan hosting emel agensi dan penjawat awam negeri.
- Mengurus Kesyntambungan Perkhidmatan pejabat Setiausaha Kerajaan.
- Menyediakan khidmat liputan media, rakaman video secara langsung dan sidang media bagi program-program utama kerajaan dan jabatan/agensi.
- Memberikan khidmat nasihat bagi persembahan multimedia.
- Menyediakan khidmat nasihat mengenai pengurusan dan pentadbiran ICT di jabatan/agensi kerajaan negeri

## SEKSYEN KHIDMAT SOKONGAN

- Mengurus tadbir pejabat BPTM dengan teratur dan sempurna.
- Menyedia dan mengawal peruntukan dan perbelanjaan tahunan, mengurus pesanan tempatan serta mengurus tadbir aset dan inventori pejabat dengan tersusun dan sistematik.
- Merancang dan melaksanakan pembangunan sumber manusia.
- Mengurus tadbir hal-hal perkhidmatan termasuk cuti, pengisytiharan harta, penilaian prestasi tahunan, tatatertib dan HRMIS.
- Mengurus semua hal ehwal perhubungan awam dan perkhidmatan pelanggan.
- Memastikan dan menyelaras keselamatan pejabat dan dokumen mengikut Akta Rahsia Rasmi, Arahan Keselamatan dan Akta Arkib Negara.

**BENKEL AUDIT SISTEM  
PENGURUSAN KESELAMATAN  
MAKLUMAT (INFORMATION  
SECURITY MANAGEMENT-  
ISMS) ISO/IEC 27001:2013,  
BAHAGIAN PENGURUSAN  
TEKNOLOGI MAKLUMAT**

*22 & 23 Jamadilawal 1440H  
28 & 29 Januari 2019*



**AKTIVITI-AKTIVITI 2019**



**SESI 'HANDS-ON' WEBMASTER  
AGENSİ SIRI 1/2019, BILIK  
MESYUARAT JABATAN AIR NEGERI  
KELANTAN**

*7 - 9 Jamadilakhir 1440H  
12 - 14 Februari 2019*

## AKTIVITI-AKTIVITI 2019

### BENKEL ASAS JOOMLA UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH 2019, DEWAN TERATAI KOMPLEKS KOTA DARULNAIM

24 & 25 Jamadilakhir 1439H  
24 & 26 Februari 2019



### BENKEL eUSAHAWAN, BILIK SEMINAR MABNA MBI, BLOK 8, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM

26 & 27 Jamadilakhir 1439H  
27 & 28 Februari 2019

## AKTIVITI-AKTIVITI 2019

### BENKEL USER REQUIREMENT SPECIFICATION (URS) PROJEK PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN HASIL TANAH (E-SPHT) KELANTAN, BILIK SEMINAR MABNA MBI (BLOK 8)

27 - 30 Jamadilakhir 1440H  
4 - 7 Mac 2019



### BENKEL SYSTEM REQUIREMENT SPECIFICATION (SRS) PROJEK PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN HASIL TANAH (E-SPHT) KELANTAN, BILIK SEMINAR MABNA MBI (BLOK 8)

24 - 28 Rejab 1440H  
31 Mac hingga 4 April 2019



## BENGGEL REKA BENTUK MEKATRONIK 2019, DEWAN TERATAI, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM

8 Syaaban 1440H  
14 April 2019



## AKTIVITI-AKTIVITI 2019



## KURSUS CODEIGNITER (CI), MAKMAL ICT, BPTM

19-21 Syawal 1440H  
23-25 Jun 2019

**MESYUARAT JAWATANKUASA  
PEMANDU DAN KESELAMATAN  
ICT NEGERI BIL.1/2019, BILIK  
GERAKAN NEGERI**

*22 Syawal 1440H  
26 Jun 2019*



**AKTIVITI-AKTIVITI 2019**



**SEMINAR REVOLUSI  
PERINDUSTRIAN 4.0 DAN  
INTERNET OF THINGS (IoT) NEGERI  
KELANTAN, DEWAN JUBLI PERAK,  
MPKB-BRI, JALAN MAHMOOD  
KOTA BHARU**

*1 Zulkaedah 1440H  
4 Julai 2019*

**KARNIVAL SAINS DAN TEKNOLOGI  
NEGERI KELANTAN 3.0 : EKSPLO  
DIGITAL ANTARABANGSA  
KELANTAN (KIDEX), PEKARANGAN  
STADIUM SULTAN MOHAMMAD V**

2-4 Zulkaedah 1440H  
5-6 Julai 2019



**AKTIVITI-AKTIVITI 2019**



**BENGGEL eUSAHAWAN, DEWAN  
TERATAI, KOMPLEKS KOTA  
DARULNAIM**

4 Zulkaedah 1440H  
7 Julai 2019

## AKTIVITI-AKTIVITI 2019

### SESI LATIHAN PENGGUNAAN MYMESYUARAT 2.0 UNTUK SEMUA JABATAN NEGERI, MAKMAL ICT, BPTM

13 -15 dan 18 Zulkaedah 1440H  
16 - 18 dan 21 Julai 2019



### BENGGEL APLIKASI MUDAH ALIH MENGUNAKAN IONIC, DEWAN TERATAI, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM

25, 26, 28 dan 29 Zulkaedah 1440H  
28, 29, 31 Julai dan 1 Ogos 2019

**SESI PENILAIAN ANUGERAH  
INOVASI SEKTOR AWAM NEGERI  
KELANTAN (AISAK) BAGI  
KATEGORI ANUGERAH INOVASI  
ICT (AIICT) TAHUN 2019,  
BILIK GERAKAN NEGERI,  
KOMPLEKS KOTA DARULNAIM**

9 Safar 1441H  
8 Oktober 2019



**AKTIVITI-AKTIVITI 2019**



**BENGGEL PENGENALAN  
MIKROPENGAWAL DAN BAHASA  
PENGATURCARAAN C/C++  
ARDUINO, DEWAN TERATAI,  
KOMPLEKS KOTA DARULNAIM**

10 Rabiulawal 1441H  
7 November 2019

**BENKEL PENYEDIAAN DRAF  
DASAR PEMBANGUNAN ICT  
NEGERI, DEWAN TERATAI,  
KOMPLEKS KOTA DARULNAIM**

17 Rabiulawal 1441H  
14 November 2019



**AKTIVITI-AKTIVITI 2019**



**SEMINAR SAINS SOLAT  
1441H/2019**

21 Rabiulawal 1441H  
18 November 2019

## CABARAN PENGATURCARAAN SISTEM TERBENAM NEGERI KELANTAN, DEWAN TERATAI, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM

23 Rabiulawal 1441H  
20 November 2019



## AKTIVITI-AKTIVITI 2019



## LAWATAN DARI PELAJAR IJAZAH SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT, UITM CAWANGAN KELANTAN, BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

23 Rabiulawal 1440H  
20 November 2019

**BENKEL PEMBANGUNAN  
LAMAN WEB VERSI BAHARU  
MENGUNAKAN CMS JOOMLA  
UNTUK SEMUA PIHAK BERKUASA  
TEMPATAN (PBT) DAN AGENSI  
TERPILIH, MAKMAL ICT, BPTM**

*28- 30 Rabiulawal 1441H*  
**25-27 November 2019**



**AKTIVITI-AKTIVITI 2019**



**MESYUARAT MAJLIS TEKNOLOGI  
MAKLUMAT NEGERI (MTMN)  
BILANGAN 1 TAHUN 2019, BILIK  
GERAKAN, MABNA MBI (BLOK 8)**

*6 Rabiulakhir 1441H*  
**3 Disember 2019**



**MESYUARAT JAWATANKUASA  
INDUK PROGRAM PEMBANGUNAN  
SAINS DAN TEKNOLOGI  
NEGERI KELANTAN BILANGAN 1  
TAHUN 2019, BILIK GERAKAN,  
MABNA MBI (BLOK 8)**

12 Rabiulakhir 1441H  
9 Disember 2019



**AKTIVITI-AKTIVITI 2019**



**BENGGEL PERBINCANGAN  
PELAKSANAAN PROGRAM DAN  
AKTIVITI DALAM PELAN HALA  
TUJU ICT NEGERI ,  
DEWAN TERATAI, KOMPLEKS  
KOTA DARULNAIM**

20 - 21 Rabiulakhir 1441H  
17 - 18 Disember 2019

## PENCAPAIAN 2019

### SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN SISTEM APLIKASI YANG DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2019


BIL	NAMA SISTEM
1.	Sistem Pengurusan Pengurniaan Kehormatan Kebesaran Negeri Kelantan (e-Kurnia)
2.	Sistem Percetakan Kad Nikah (SPKN)
3.	Sistem Pengurusan Program Pembangunan Sains dan Teknologi (e-PPST)
4.	Sistem Sasaran Kerja Tahunan versi 2 (e-SKTV2)
5.	Sistem Maklumat Kehadiran Berpusat (e-Hadir)



**PENERIMA SIJIL PENYERTAAN  
ANUGERAH INOVASI SEKTOR  
AWAM NEGERI KELANTAN (AISAK)  
TAHUN 2019**



**PENERIMA SIJIL PENGHARGAAN  
MAJLIS PERSADA INOVASI  
PERKHIDMATAN AWAM  
PERINGKAT NEGERI KELANTAN  
TAHUN 2019**





Unit

# AUDIT DALAM

Aras 2, Blok 1,  
Kompleks Kota Darulnaim,  
15503 Kota Bharu, Kelantan.  
Tel : 09-748 1957  
Faks : 09-747 0373  
Emel : [uad@kelantan.gov.my](mailto:uad@kelantan.gov.my)



## Carta Organisasi

# UNIT AUDIT DALAM



**EN. WAN FAHAZIL B. WAN MOHAMAD JAFFAR**  
Ketua Unit



## PENGENALAN

Unit Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Disember, 2000. Sejak penubuhannya, berbagai-bagai perkembangan telah berlaku terutamanya perubahan dalam peranan Audit Dalam, di mana Unit Audit Dalam selain bertanggungjawab memberi kepastian, dikehendaki juga memberi khidmat perundingan dan menambah nilai kepada organisasinya. Sehubungan dengan itu Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2/1979 telah diperbaharui dan digantikan dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 iaitu Pelaksanaan Audit Dalam Di Kementerian/Jabatan Persekutuan Dan Kerajaan Negeri. Unit Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan adalah bertanggungjawab terus kepada YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.

## VISI

Sebagai pemangkin dalam melahirkan budaya kerja berprestasi tinggi.

## MISI

Memastikan setiap teguran dan pengiktirafan auditan akan terus dipatuhi dan dilaksanakan oleh semua agensi.

## FUNGSI TERAS

Unit Audit Dalam bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan audit di Jabatan/ Agensi Negeri. Antara fungsi Unit Audit Dalam adalah:

- Audit Dalam merupakan satu fungsi bebas, yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan meningkatkan tahap operasi sesebuah organisasi. Objektif Unit Audit Dalam adalah untuk membantu sesebuah organisasi mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan memperbaiki keberkesanan kawalan dan proses tadbir urus.
- Unit Audit Dalam bertanggungjawab memberi kepastian dan khidmat perundingan kepada Ketua Agensi mengenai sistem kawalan dalaman dan proses tadbir urus agensinya. Kepastian yang diberi oleh Ketua Unit Audit Dalam adalah melalui pendapat professional terhadap kesempurnaan, kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan proses tadbir urus.
- Unit Audit Dalam bukan merupakan tambahan atau pengganti kepada pihak pengurusan. Tanggungjawab ke atas kawalan dalaman untuk memastikan peraturan dan prosedur yang bersesuaian dan mencukupi diwujudkan, tanpa mengambil kira aktiviti audit, adalah terletak di bawah tanggungjawab pihak pengurusan

### FUNGSI LAIN UNIT AUDIT DALAM

Unit Audit Dalam juga berfungsi sebagai

- Setiausaha Jawatankuasa Audit Negeri Kelantan
- Urus Setia Jawatankuasa Naziran Negeri Kelantan
- Urus Setia Jawatankuasa Audit Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan
- Urus Setia Pemantauan Mystery Shopping

## AKTIVITI-AKTIVITI 2019

### LAWATAN KERJA DARI BADAN AUDIT DALAM DAN SIASATAN AWAM (BADSA), JABATAN KETUA MENTERI MELAKA DI BILIK MESYUARAT UTAMA, MABNA

9 Safar 1441H  
8 Oktober 2019



### LAWATAN KERJA DARI JABATAN KEBAJIKAN MALAYSIA, PUTRAJAYA DI BILIK MESYUARAT, BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT, PEJABAT SUK KELANTAN

22 Syaaban 1440H  
28 April 2019

## AKTIVITI-AKTIVITI 2019

### LAWATAN AHLI PANEL NAZIRAN DI 18 JABATAN/AGENSI NEGERI SEPANJANG TAHUN 2019



### PENGAUDITAN SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH (SPAR) MS ISO 37001:2016 DI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN



**PERBENTANGAN PENEMUAN  
PENGAUDITAN EKSA SEPANJANG  
TAHUN 2019 KEPADA KETUA  
BAHAGIAN BERSAMA YM  
DATO' TIMBALAN SETIAUSAHA  
KERAJAAN KELANTAN  
(PENGURUSAN)**

**AKTIVITI-AKTIVITI 2019**





Bahagian

# INTERGRITI

& TADBIR URUS

Aras 2, MABNA-MBI Blok 8,  
Kompleks Kota Darulnaim,  
15503 Kota Bharu, Kelantan.  
Tel : 09-748 9957  
Faks : 09-748 7957  
Emel : [bitu@kelantan.gov.my](mailto:bitu@kelantan.gov.my)



## Carta Organisasi

# BAHAGIAN INTEGRITI & TADBIR URUS



**TN. HJ. MOHD ZAKI B. YUSOFF**  
Pengarah



**EN. WAN MUHAMMAD HAZAM B. WAN HASSAN**  
Timbalan Pengarah



## PENGENALAN

Bahagian Integriti dan Tadbir Urus (BITU), telah ditubuhkan pada tahun 2015 melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali ke 15/2015 yang bersidang pada 19 Ogos 2015. Penubuhan BITU ini adalah bagi menggantikan nama asal iaitu Urus Setia Integriti Negeri Kelantan (UINK) yang ditubuhkan pada tahun 2006.

BITU diketuai oleh seorang Pengarah Gred N52 dan dibantu oleh seorang Timbalan Pengarah, 2 orang Penolong Pengarah dan 7 orang Kakitangan Sokongan. Justeru, kekuatan Bahagian ini adalah seramai 11 orang semuanya.

Bahagian ini terdiri daripada 4 Unit iaitu Unit Pentadbiran, Unit Pengukuhan Integriti dan Tadbir Urus, Unit Aduan dan Siasatan Dan Unit Tatatertib dan Pematuhan.

## VISI

Mewujudkan Organisasi Dan Warga SUK Yang Cemerlang Berteraskan Integriti

## MISI

Memperkukuh Integriti Warga SUK Melalui Pematuhan Kepada Peraturan Dan Undang-Undang Berkuatkuasa, Pembudayaan Nilai-Nilai Murni Dan Pengamalan Budaya Kerja Unggul

## MOTO

Mewujudkan Organisasi Dan Warga SUK Yang Cemerlang Berteraskan Integriti

## LAWATAN KERJA KE UNIT INTEGRITI, PULAU PINANG

23 Jamadilakhir 1440H  
28 Februari 2019



## AKTIVITI-AKTIVITI 2019



## LAWATAN KERJA KE JABATAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS (JITU), KEDAH

23 Jamadilakhir 1440H  
28 Februari 2019

## AKTIVITI-AKTIVITI 2019

### BENKEL PROJEK RINTIS PELAKSANAAN MS ISO 37001: 2016 SISTEM PENGURUSAN RISIKO ANTIRASUAH (ABMS)

4 - 6 Rejab 1440H  
11 - 13 Mac 2019



### MAJLIS IKRAR INTEGRITI DAN BEBAS RASUAH PERINGKAT PEJABAT SUK

10 Rejab 1440H  
17 Mac 2019

## KURSUS PEMANTAPAN INTEGRITI KEPADA YB DUN & PARLIMEN

09 Syaaban 1440H  
15 April 2019



## AKTIVITI-AKTIVITI 2019



## AUDIT MS ISO 37001 (ABMS) PERINGKAT 1 PEJABAT SUK NEGERI KELANTAN

23 - 24 Syaaban 1440H  
29 - 30 April 2019

## AKTIVITI-AKTIVITI 2019

### SESI PERBINCANGAN INISIATIF PELAN ANTI RASUAH (NACP)

11 Ramadan 1440H  
16 Mei 2019



### MESYUARAT PENUBUHAN (JAR) PERINGKAT JAJAHAN DAN PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH

09 Syawal 1440H  
13 Jun 2019



**PEJABAT SUK NEGERI KELANTAN  
TELAH MENDAPAT PENSIJILAN  
MS ISO 37001:2016  
ANTI-BRIBERY MANAGEMENT  
SYSTEMS (ABMS)**

25 Zulhijjah 1440H  
26 Ogos 2019



**AKTIVITI-AKTIVITI 2019**



SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN  
ARAS 4, MABNA-MBI  
KOMPLEKS KOTA DARULNAIM  
15503 KOTA BHARU  
KELANTAN DARUL NAIM  
MALAYSIA**

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Anti-Bribery yang memepati

**ISO 37001 : 2016  
MS ISO 37001 : 2016**

ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS - Requirements with Guidance for use

Skop Pensijilan

**SISTEM PENGURUSAN ANTI-BRIBERY MELIPUTI PENGURUSAN  
PEROLEHAN, PENAWARAN RUMAH, PENGURUSAN SUMBER MANUSIA,  
PENGURUSAN ASET, PENGURUSAN PERUNTUKAN KEPADA PBT,  
PENGURUSAN BAGI PERMOHONAN PELABURAN NEGERI DAN  
PROSES SOKONGAN BERKAITAN.**



Tarikh dikeluarkan : 26 Ogos 2019  
Tarikh asal pensijilan : 26 Ogos 2019  
Tarikh luput : 25 Ogos 2022  
No. pensijilan : ABMS 00133

SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.  
No. Syarikat: A1534 - K1  
Terdapat Dalam Matrik:  
Seksyen 23, No. Pendaftaran:  
AG100, Unit 101/102,  
Sallehuddin, Selayang, Cheras,  
MELAYU  
Tel: 03-5544 6000  
Faks: 03-5544 6187  
100, Jalan Puncak Jalil, Bandar  
Puncak Jalil, 43899 Kajang, Selangor  
100 www.sirim.com.my

**Mohd Azanuddin Salleh  
Ketua Pegawai Eksekutif  
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.**

Pengesahan ini sah jika ditandatangani oleh pegawai yang berkekuasaan penuh dan bertandatangan di hadapan PBT.

Pejabat SUK Kelantan dan pegawai/ kakitangan dalam SUK Kelantan perlu mematuhi polisi - polisi berkenaan agar dapat mengurangkan risiko rasuah. Di samping juga polisi - polisi ini telah dipanjangkan kepada rakan perniagaan iaitu pembekal, kontraktor dan jabatan/ agensi yang mempunyai urusan serta kepentingan dengan Pejabat SUK Kelantan. Antara polisi - polisi yang dimaksudkan adalah sebagaimana berikut:

- i. Polisi Antirasuah
- ii. Polisi Hadiah
- iii. Polisi Pemberi Maklumat

## AKTIVITI-AKTIVITI 2019

### MAJLIS SAMBUTAN HARI INTEGRITI PERINGKAT NEGERI KELANTAN

15 Rabiul Akhir 1440H  
12 Disember 2019



### BENKEL PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM) PEJABAT SUK NEGERI KELANTAN

18 Rabiul Akhir 1440H  
15 Disember 2019



## PELAN

# ANTI RASUAH

- Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 adalah merupakan dasar antirasuah yang akan memfokuskan kepada keperluan Negara untuk bebas rasuah yang mengamalkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti.
- Pelan khusus ini dibangunkan bagi menetapkan sasaran yang praktikal berdasarkan inisiatif yang akan diambil oleh setiap agensi kerajaan dan swasta dalam menangani masalah rasuah, integriti serta tadbir urus untuk tempoh lima tahun akan datang.
- Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2 No.1 Tahun 2019 telah dikeluarkan bagi memastikan semua kementerian, jabatan dan agensi awam termasuk mana-mana entity berkaitan kerajaan untuk menerima pakai dan melaksanakan Pelan Antirasuah Nasional / National Anti-Corruption Plan (NACP) sebagaimana yang telah ditetapkan serta mewujudkan Pelan Antirasuah Organisasi / Organisational Anti-Corruption Plan (OACP) diperingkat Kementerian, Jabatan, agensi dan organisasi masing-masing.

## ADUAN

# INTEGRITI DAN TADBIR URUS BAGI TAHUN 2019

Bil	Kaedah Penerimaan Aduan	Bilangan Mengikut Bulan												Jumlah
		Jan	Feb	Mar	Apr	May	Jun	Jul	Ogs	Sep	Okt	Nov	Dis	
1	Surat Menyurat	1	1		1	1		3	1		3			11
2	Surat Layang	1	2	2		1					1		2	9
3	Telefon/Whatsapp/ Facebook										1			1
4	Emel	1						1	1		1		2	6
5	Pengadu Datang Sendiri												1	1
6	Lain-Lain													0
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>3</b>	<b>3</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>0</b>	<b>4</b>	<b>2</b>	<b>0</b>	<b>6</b>	<b>0</b>	<b>5</b>	<b>28</b>




**Bahagian**

# **KHIDMAT**

## **PENGURUSAN**

Aras 3, MABNA MBI Blok 8,  
Kompleks Kota Darulnaim,  
15503 Kota Bharu, Kelantan.  
Tel : 09-748 1957  
Faks : 09-743 6000 / 09-744 3164  
Emel : [bhgkp@kelantan.gov.my](mailto:bhgkp@kelantan.gov.my)



## Carta Organisasi

# BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN



**EN. NIK KHAIRUL ANUAR B. NIK YUSOFF**  
Ketua Penolong Setiausaha



**EN. NIK AZHAR B. NIK ABDUL AZIZ**  
Penolong Setiausaha (Protokol I)



**PN. WAN ASMA SUHANA WAHIDA BT. WAN DERAMAN**  
Penolong Setiausaha (Kewangan)



**EN. MOHAMAD HANAFI B. HASSAN**  
Penolong Setiausaha (Pentadbiran)



**EN. NIK MOHD ALI B. NIK SALLEH**  
Penolong Setiausaha (Protokol II)



## PENGENALAN

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) adalah salah satu bahagian di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan. Bahagian ini terbahagi kepada 4 seksyen utama iaitu:

- Seksyen Protokol
- Seksyen Kewangan
- Seksyen Pentadbiran Am
- Seksyen Pengurusan Bangunan dan Aset.

Bahagian Khidmat Pengurusan ini diketuai oleh seorang Ketua Penolong Setiausaha (Gred N52), dibantu oleh Penolong Setiausaha Kewangan (Gred N48), Penolong Setiausaha Protokol (Gred N44), Penolong Setiausaha Protokol II (Gred N41), Penolong Setiausaha Pentadbiran (Gred N41), Penolong Setiausaha (Pengurusan Bangunan & Aset) (Gred-N41), Penolong Akauntan (Gred W27) dan disokong oleh 120 kakitangan lain.

- Menyelia dan memantau penyelenggaraan bangunan, kenderaan dan semua harta kerajaan
- Mengurus proses-proses pelupusan aset-aset kerajaan
- Mengurus dan memantau urusan kewangan Pejabat Setiausaha Kerajaan dalam semua urusan seperti penyediaan dokumen pesanan tempatan dan inden kerja, bayaran gaji dan elaun, penyediaan baucer bayaran, pengemaskinian buku-buku vot dan lain-lain supaya perlaksanaannya berlaku dalam tempoh yang ditetapkan.

## VISI

Pentadbiran yang cekap, bersih dan amanah berlandaskan Islam sebagai Ad-Din.

## MISI

Menjadikan Pentadbiran Negeri Kelantan sebagai satu perkhidmatan yang unggul berteraskan profesionalisma, integriti dan teknologi terkini.

## FUNGSI TERAS

Bahagian Khidmat Pengurusan ini berfungsi sebagai pusat pentadbiran am dan pengurusan kewangan bagi Pejabat Setiausaha Kerajaan. Selain itu bahagian ini juga mempunyai fungsi-fungsi utama lain seperti:

- Bertanggungjawab mengurus hal ehwal protokol kepada tetamu Kerajaan Negeri serta menyelia dan memantau kelancaran perjalanan Majlis-majlis Rasmi Kerajaan Negeri dan Persekutuan.
- Mengatur Majlis Rasmi Negeri dan Persekutuan seperti majlis penghadapan Pegawai-pegawai negeri/ persekutuan dengan pihak istana.
- Mengurus, menyelia dan memantau penyelenggaraan bangunan, kenderaan dan semua harta kerajaan
- Mengurus proses-proses pelupusan aset-aset Kerajaan
- Mengurus dan memantau urusan kewangan Pejabat Setiausaha Kerajaan dalam semua urusan seperti penyediaan dokumen Pesanan Tempatan dan Inden Kerja, bayaran gaji dan elaun, penyediaan baucer bayaran, pengemaskinian buku-buku vot dan lain-lain supaya perlaksanaannya berlaku dalam tempoh yang ditetapkan.

## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

SEKSYEN KEWANGAN	SEKSYEN PENTADBIRAN	SEKSYEN PROTOKOL	SEKSYEN ASET & FASILITI
<b>UNIT BAJET</b>			<b>UNIT ASET</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengurus, menyedia dan memantau Belanjawan Mengurus dan Belanjawan Pembangunan.</li> <li>Mengurusetiaikan Jawatankuasa Kewangan dan Akaun (JPKA).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengurus tadbir pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan.</li> <li>Memastikan pengurusan ruang pejabat dan peralatan pejabat dijalankan dengan teratur dan sempurna.</li> <li>Mengurus tadbir aset dan inventori pejabat dengan lebih tersusun dan sistematik.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Merancang dan menyelaras majlis rasmi anjuran kerajaan negeri.</li> <li>Mengurus dan mengatur sambutan setiap keberangkatan KDYMM Al-Sultan/ YTM Tengku Mahkota</li> <li>Mengurus dan menyelaras lawatan kerabat D'Raja/ perwakilan asing/ duta/VVIP dari luar negeri.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan setiap aset/barang stor yang diterima menepati spesifikasi yang ditetapkan, kualiti dan kuantiti yang dipesan mengikut pesanan dan aset/barang stor yang diterima dalam keadaan baik, sempurna dan selamat untuk digunakan.</li> </ul>
<b>UNIT AKAUN &amp; BAYARAN</b>			<b>UNIT FASILITI</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengurus pembayaran semua jenis bil dan tuntutan di bawah Belanjawan Mengurus dan Belanjawan Pembangunan.</li> <li>Mengurus tempahan tiket pengangkutan awam.</li> <li>Mengurus terimaan dan akaun Panjar Wang Runcit</li> <li>Mengurusetiaikan Jawatankuasa Penilaian Perolehan Program (JPPP) dan Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah ICT (KWAICT).</li> <li>Mengurus akaun dan laporan vot perbelanjaan mengurus/ pembangunan/amanah/ hasil/ deposit/Akaun Tunai Bulanan /Panjar Wang Runcit.</li> <li>Mengurus dan melaksana semua jenis perolehan secara pembelian terus, sebut harga, tender, rundingan terus dan e-bidding.</li> <li>Menyelia penyediaan kontrak dan memantau pentadbiran kontrak-kontrak di bawah Belanja Mengurus dan Pembangunan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengurus semua hal ehwal perhubungan awam dan perkhidmatan pelanggan.</li> <li>Memastikan dan menyelaras keselamatan dokumen mengikut Akta Rahsia Rasmi, Arahan Keselamatan, dan Akta Arkib Negara.</li> <li>Merancang dan melaksanakan pembangunan sumber manusia.</li> <li>Mengurus tadbir hal-hal perkhidmatan termasuk rekod perkhidmatan, pengesahan dalam jawatan, kemasukan tetap dan berpencen, kenaikan pangkat, pertukaran, pengisytiharan harta, penilaian prestasi tahunan, persaraan dan tatatertib.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi khidmat nasihat dan bantuan berkaitan protokol.</li> <li>Bekerjasama dengan jabatan/ agensi negeri dan persekutuan dalam pengurusan majlis rasmi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan pengurusan ruang pejabat dan peralatan dengan teratur dan sempurna.</li> </ul>

## SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE- 62 PERINGKAT NEGERI KELANTAN TAHUN 2019

31 Ogos 2019

Sambutan Hari Kebangsaan Ke-62 Peringkat Negeri Kelantan Tahun 2019 telah diadakan pada 31 Ogos 2019 bertempat di Padang Majlis Daerah Tanah Merah.

Sebanyak 11 kontinjen badan beruniform dan 55 kontinjen daripada Jabatan-jabatan & Agensi Kerajaan Negeri Kelantan, Pejabat Tanah & Jajahan serta Majlis Daerah telah terlibat dalam perbarisan pada majlis tersebut.

Sambutan dimulakan dengan perarakan masuk 11 kontinjen badan beruniform dan diikuti dengan ketibaan Menteri Besar Kelantan, YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Dato' Hj Ahmad Yakob yang menerima tabik hormat daripada badan beruniform.

Seterusnya acara diteruskan dengan perarakan berjalan lalu 55 Kontinjen diiringi oleh tambor gabungan pasukan 16 RAMD dan 5 RRD serta Perarakan masuk Bendera Jalur Gemilang, Bendera Negeri Kelantan & bendera warna warni.

Acara diteruskan lagi dengan Nyanyian Lagu Negaraku, Lagu Jalur Gemilang, bacaan ikrar dan laungan merdeka sebanyak tujuh kali sebelum disulami dengan persembahan Gendang Tradisional Siam dan Melayu, persembahan Silat dan juga persembahan Brass Band dari Maktab Sultan Ismail.

Perbarisan dan perarakan diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada kontinjen perbarisan yang terbaik dan kepada tiga keluarga pengunjung yang berpakaian bersemangat Patriotik pada hari tersebut.

Turut hadir Timbalan Menteri Besar Kelantan, Exco-exco Kerajaan Negeri Kelantan dan Ketua-ketua Jabatan Negeri dan persekutuan.

## AKTIVITI-AKTIVITI 2019





**PROGRAM  
KEMBARA MERDEKA  
JALUR GEMILANG 2019  
PERINGKAT KELANTAN  
KALI KE-62**

5 Muharram 1441H  
5 September 2019

**AKTIVITI-AKTIVITI 2019**

Program Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2019 peringkat Kelantan kali ke-62 bertemakan 'Sayangi Malaysiaku: Malaysiaku Bersih' telah diadakan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong pada 16 Ogos 2019.

Program tersebut telah dihadiri oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi Negeri, Datuk Dr Mohamed Fadzli Hassan selaku wakil kepada YAB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob, Menteri Besar Kelantan.



Turut hadir, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) YM Tengku Kaya Perkasa, Dato' Dr Tengku Mohamed Faziharudean Tengku Feissal, Ketua Konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2019, Mohd Roffee Mohamad, Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Kelantan, Amir Zakri Mahmad Mahyidin dan Pengarah Jabatan Penerangan (JaPen) Kelantan, Lim Ann Teck.



**Bahagian Majlis**

# MESYUARAT

## KERAJAAN

Aras 5, MABNA-MBI Blok 8,  
Kompleks Kota Darulnaim,  
15503 Kota Bharu, Kelantan.  
Tel : 09-744 1800  
Faks : 09-747 0486  
Emel : [mmk@kelantan.gov.my](mailto:mmk@kelantan.gov.my)



## Carta Organisasi

# BAHAGIAN MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN



**TN. HJ. AHMAD ADLEE B. YASIN**  
Ketua Penolong Setiausaha



**EN. AHMAD SHARGOWI B. DERAHMAN**  
Setiausaha Dewan



**EN. BUDIE DHARMA B. AZMAN**  
Penolong Setiausaha (Pentadbiran)



## PENGENALAN

Bahagian Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) terdiri daripada empat (4) unit iaitu Unit pentadbiran dan Sumber Manusia, Unit Dewan Negeri Kelantan, Unit Urus setia Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Unit Teknologi Maklumat. Bahagian ini ditempatkan di Aras 5, MABNA MBI, Kompleks Kota Darulnaim. Fungsi utama bahagian ini adalah untuk mengurus Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan dan menguruskan persidangan Dewan Negeri Kelantan.

## VISI

Menjadi sebuah Bahagian yang cekap, berintegriti dan bermaklumat berteraskan konsep Ubudiyah, Mas'uliyah dan itqan.

## MISI

Komited untuk sentiasa menjalankan tanggungjawab dengan cekap dan amanah kepada pemegang taruh, berdasarkan peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

## FUNGSI TERAS

Objektif utama bahagian ini adalah:

- Memastikan urusan Mesyuarat MMK berjalan dengan baik dan segala keputusan yang dibuat disampaikan kepada jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan.
- Memastikan perjalanan Persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan dan Mesyuarat Jawatakuasa-Jawatankuasa Dewan berjalan dengan baik mengikut Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kelantan dan Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan serta memastikan Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Dewan dapat diadakan dengan sempurna dan teratur.
- Memberi perkhidmatan yang terbaik kepada YB Speaker Dewan Undangan Negeri, YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, dan YB Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan.

# BAHAGIAN MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN

## SEKSYEN PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA

- Menguruskan berkenaan hal-hal Persuratan / Fail / Khidmat Pelanggan / Pengurusan Bajet.
- Urus setia kepada Lembaga Hakim Pelawat Penjara Kelantan.
- Penyeliaan kakitangan dan Penggunaan Sistem Finger Tech / Perakam Waktu / Cuti
- Menguruskan hal-hal berkaitan pelaksanaan MS ISO dan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA).

## SEKSYEN URUS SETIA AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN

- Menyediakan dan mengedarkan kertas-kertas mesyuarat kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan.
- Menyediakan minit mesyuarat
- Mengedar semua keputusan MMK kepada jabatan / agensi / pihak yang berkaitan
- Urus setia Lembaga Pengampunan Negeri Kelantan

## SEKSYEN DEWAN NEGERI KELANTAN

- Memastikan perjalanan persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan dan Mesyuarat Jawatankuasa-Jawatankuasa Dewan berjalan dengan baik.
- Memastikan Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Dewan dapat diadakan dengan sempurna dan teratur.
- Memberi perkhidmatan yang terbaik kepada YB Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan.

## SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT

- Pengurusan maklumat, penyelenggaraan perkakasan, pengurusan rangkaian dan bantuan teknikal.
- Mengemaskini rekod-rekod mesyuarat MMK ke dalam Sistem Pengurusan Pemantauan Keputusan (e-MMK).
- Pembangunan dan penyelenggaraan sistem.

## AKTIVITI-AKTIVITI 2019

### PERSIDANGAN KALI YANG PERTAMA BAGI TEMPOH PENGGAL KEDUA DEWAN NEGERI KELANTAN YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2019

12 - 13 Rejab 1440H  
19 - 20 Mac 2019



## AKTIVITI-AKTIVITI 2019

### PERSIDANGAN KALI YANG KEDUA BAGI TEMPOH PENGGAL KEDUA DEWAN NEGERI KELANTAN YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2019

13 - 14 Syawal 1440H  
17 - 18 Jun 2019



## AKTIVITI-AKTIVITI 2019

### PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA (BELANJAWAN) BAGI TEMPOH PENGKAL KEDUA DEWAN NEGERI KELANTAN YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2019

15 - 17 Safar 1441H  
14 - 16 Oktober 2019









**Bahagian**

# KERAJAAN

## TEMPATAN

Aras Bawah, Blok 2,  
Kompleks Kota Darulnaim,  
15503 Kota Bharu, Kelantan.  
Tel : 09-743 4467  
Faks : 09-747 3293  
Emel : [bhgkt@kelantan.gov.my](mailto:bhgkt@kelantan.gov.my)



## Carta Organisasi

# BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN



**TN. HJ. RUSLAN B. HASSAN**  
Pengarah



**PN. MASLEZA BT. MUHAMMAD**  
Ketua Penolong Pengarah (Dasar & Keurusetiaan)



**EN. MUHAMMAD NAGIUDDIN  
B. MOHD AZAMLI**  
Penolong Pengarah (Inspektorat)



**PN. NIK HALIZA BT. NIK YUSOFF**  
Akauntan



**PN. NOR SHAZWANI BT. ABDULLAH**  
Pegawai Undang-Undang



## PENGENALAN

Bahagian ini ditubuhkan untuk menjadi perantara atau penyelaras di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam hal-hal yang berkaitan dengan Kerajaan Peringkat Ketiga iaitu Kerajaan Tempatan.

## VISI

Mewujudkan masyarakat yang dinamik dan sejahtera melalui penyampaian perkhidmatan PBT yang berkualiti dan berkesan.

## MISI

Kearah mewujudkan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan yang cekap dan berkesan untuk melaksanakan tugas-tugas perancangan strategik dan pembangunan berterusan serta perkhidmatan kelas pertama bagi merealisasikan persekitaran hidup yang berkualiti dan mapan.

## FUNGSI TERAS

- Menyediakan Kertas Cadangan Dasar bagi Mendapatkan Kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.
- Menyelarar Pelantikan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan
- Penyelaras Pengagihan Peruntukan Projek Pembangunan Pihak Berkuasa Tempatan
- Penyelaras Permohonan Kelulusan Lesen Snooker dan Billiard Bagi PBT Negeri Kelantan
- Penyelaras Permohonan Lesen Premis Pasaraya Bagi PBT Negeri Kelantan
- Memantau Status Permohonan OSC PBT Negeri Kelantan
- Menyelarar dan Mewartakan Undang-Undang Kecil PBT
- Memproses Kelulusan Projek Pembangunan di PBT
- Menyelarar Maklumbalas PBT
- Menyalurkan Aduan Awam kepada PBT
- Menyelarar Pesta Sukan PBT Negeri Kelantan
- Menyediakan Anggaran Belanjawan Bahagian Kerajaan Tempatan
- Menyelarar Proses Bagi Sumbangan Membantu Kadar PBT
- Menyelarar Bantuan Belanja Mengurus PBT
- Menyelarar Permohonan Pendahuluan Pelbagai
- Menyelarar Pengeluaran Surat Kebenaran Berbelanja (SKB) PBT
- Memproses Bayaran, Pesanan Tempatan, Indeks Kerja dan perkara yang berkaitan kewangan
- Memproses Kelulusan Anggaran Belanjawan PBT
- Memproses Permohonan Penilaian Semula Pegangan PBT
- Menyelarar Penetapan Kadar Cukai Taksiran Tahunan PBT

# BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN

## SEKSYEN DASAR & KEURUSETIAAN

- Mengenalpasti dan mengkaji cadangan-cadangan penambahbaikan ke atas AKTA 171, AKTA 172, AKTA 133 dan akta lain yang berkaitan bersama KPKT.
- Mengenalpasti, menyelarar, mengkaji dan menyediakan draf penambahbaikan undang-undang kecil PBT di peringkat negeri.
- Bertanggungjawab dalam urusan berhubungkait dengan dasar termasuk penyediaan dan penyelarasan Kertas MMK
- Menyelarar perhubungan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berhubungkait dengan dasar, program/aktiviti serta perkhidmatan PBT termasuk menyelarar perancangan dan pelaksanaan program KPKT, urusetia kepada jawatankuasa-jawatankuasa/mesyuarat-mesyuarat berkaitan PBT dan Bahagian Kerajaan Tempatan serta urusetia majlis-majlis/ program-program melibatkan Kerajaan Tempatan dan PBT termasuk Majlis Keselamatan Jalan raya (MKJR).
- Menyelarar keputusan/ arahan dari Kerajaan Negeri & Persekutuan kepada semua PBT
- Bertanggungjawab dalam hal ehwal pentadbiran, pengurusan pejabat dan perhubungan pelanggan BKT termasuk Sasaran Kerja Tahunan (SKT), Buletin, Amalan QE/5S, Laman Web, Piagam Pelanggan, Aduan Awam, Pengurusan Aset, pengurusan/ pembangunan sumber manusia dan sebagainya.
- Bertanggungjawab dalam urusan berhubung kursus/ latihan pegawai dan kakitangan serta mengendalikn program taklimat/ seminar yang berkaitan PBT.
- Menyelarar hal ehwal pengurusan PBT termasuk urusan berkaitan pemberian elaun PBT, perlantikan Ahli-Ahli Majlis PBT Negeri Kelantan, perjawatan dan sebagainya.

## SEKSYEN INSPEKTORAT PBT

- Memantau dan memastikan PBT menyediakan perkhidmatan teras yang berkualiti dan berkesan.
- Merancang dan melaksana naziran ke setiap PBT secara berkala.
- Memantau dan memastikan perkhidmatan One Stop Centre (OSC), e-PBT, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) dilaksanakan dengan kualiti dan berkesan.
- Merangka, menyelarar dan memantau setiap maklumbalas berkaitan PBT dan Bhg. Kerajaan Tempatan.

## SEKSYEN PENGURUSAN KEWANGAN

- Menganalisa dan memperaku permohonan-permohonan bajet PBT untuk kelulusan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
- Menyelarar dan memantau Pengurusan Kewangan di Bahagian Kerajaan Tempatan.
- Menguruskan agihan peruntukan tantuan kemajuan kerja projek-projek pembangunan PBT.
- Melaksanakan pemantauan berkala ke atas semua projek pembangunan PBT bagi memastikan projek siap mengikut jadual.
- Bertanggungjawab dalam penyediaan Kertas MMK bagi perkara-perkara berhubungkait dengan kewangan, projek pembangunan, cukai, penilaian dan pengurusan harta .
- Menyelia PBT dalam aspek berkaitan dengan penilaian, perundingan dan perkhidmatan harta.

# MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI KELANTAN 2019

01 Jamadil Awal 1440  
07 Januari 2019



## AKTIVITI-AKTIVITI 2019



## SEMINAR AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI KELANTAN 2019

01 Jamadil Awal 1440  
07 Januari 2019

## AKTIVITI-AKTIVITI 2019

### MAJLIS ANGKAT SUMPAH YANG DIPERTUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN - MAJLIS DAERAH DABONG

06 Jamadil Akhir 1440 H  
11 Februari 2019

Majlis angkat sumpah yang diadakan di hadapan YB Dr. Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Negeri Kelantan bagi perlantikan YABrs. En. Mohd Azri Bin Abd Rahman sebagai Yang Dipertua bagi Majlis Daerah Dabong dan disaksikan oleh Pengarah Bahagian Kerajaan Tempatan.



### MESYUARAT KSU KPKT BERSAMA SUK, DATUK BANDAR /YDP (PBT) BERHUBUNG ISU KEBENARAN MERANCANG (KM) BAGI NEGERI KELANTAN, TERENGGANU DAN PAHANG

03 Syaaban 1440 H  
09 April 2019

## AKTIVITI-AKTIVITI 2019

01 Jamadil Awal 1440 H  
09 April 2019



**SESI “TOWN HALL” KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT) BERSAMA PEGAWAI AGENSI TEKNIKAL DALAMAN PBT, AGENSI TEKNIKAL LUARAN DAN SUBMITTING PERSON (SP) BERHUBUNG ISU KEBENARAN MERANCANG (KM) NEGERI KELANTAN, TERENGGANU DAN PAHANG**





## MAJLIS PELANCARAN KELANTANKU BERSIH DAN GOTONG-ROYONG PERDANA

19 Syaaban 1440 H  
25 April 2019

Majlis Pelancaran Kelantanku Bersih Dan Gotong-Royong Perdana telah dilancarkan oleh YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad Bin Yakob. Majlis Gotong-Royong Perdana telah dijayakan oleh pelbagai agensi kerajaan dan swasta sekitar Kota Bharu serta wakil dari PBT seluruh Negeri Kelantan.



## AKTIVITI-AKTIVITI 2019



## PROGRAM KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA SEMPENA MUSIM PERAYAAN HARI RAYA AIDIL FITRI 1440H - JELI

28 Ramadan 1440H  
02 Jun 2019

Program Kempen Keselamatan Jalan Raya Sempena Musim Perayaan Hari Raya Aidil Fitri 1440H bagi laluan Jeli telah diadakan di Batu 16, Lebuhraya Timur Barat, Jeli. Majlis telah di sempurnakan oleh YB. Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Negeri Kelantan bersama Ketua Jajahan Jeli merangkap Pengerusi MKJR Jajahan Jeli.



## AKTIVITI-AKTIVITI 2019



## PROGRAM KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA SEMPENA MUSIM PERAYAAN HARI RAYA AIDIL FITRI 1440H - KUALA KRAI

28 Ramadan 1440H  
02 Jun 2019

Program Kempen Keselamatan Jalan Raya Sempena Musim Perayaan Hari Raya Aidil Fitri 1440H bagi laluan Kuala Krai telah diadakan di Hadapan Pejabat JPAM, Pahi, Kuala Krai. Majlis telah di sempurnakan oleh YB. Dr. Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Negeri Kelantan merangkap Pengerusi MKJR Negeri Kelantan bersama Ketua Jajahan Kuala Krai merangkap Pengerusi MKJR Jajahan Kuala Krai.

## PROGRAM KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA SEMPENA MUSIM PERAYAAN HARI RAYA AIDIL FITRI 1440H - PASIR PUTEH

28 Ramadan 1440H  
02 Jun 2019

Program Kempen Keselamatan Jalan Raya Sempena Musim Perayaan Hari Raya Aidil Fitri 1440H bagi laluan Pasir Puteh telah diadakan di sempadan Jerneh, Bukit Yong, Pasir Puteh. Majlis telah di sempurnakan oleh YABrs. Ketua Jajahan Pasir Puteh merangkap Pengerusi MKJR Jajahan Pasir Puteh.



## AKTIVITI-AKTIVITI 2019



## MAJLIS ANGKAT SUMPAH YANG DIPERTUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN - MAJLIS DAERAH KUALA KRAI

01 Zulkaedah 1440 H  
04 Julai 2019

Majlis angkat sumpah yang diadakan di hadapan YB Dr. Pengerusi Jawantankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Negeri Kelantan bagi perlantikan YABrs. En. Nik Mohd Azlan Bin Abd Hadi sebagai Yang Dipertua bagi Majlis Daerah Kuala Krai dan disaksikan oleh Pengarah Bahagian Kerajaan Tempatan.

## BENKEL TEKNIKAL EPBT PBT NEGERI KELANTAN 2019

18 Zulkaedah 1440 H  
22 Julai 2019

Bengkel Teknikal ePBT 2.0 PBT Negeri Kelantan telah diadakan di Bilik Mesyuarat Kecil, Majlis Daerah Ketereh – Perbandaran Islam. Bengkel bertujuan untuk mengumpul permasalahan yang masih terdapat di dalam sistem ePBT 2.0. Hasil dalam bengkel ini akan dibentangkan kepada pihak Bahagian Pengurusan Maklumat, JKT untuk tindakan pembaikan.



## AKTIVITI-AKTIVITI 2019



## MAJLIS ANGKAT SUMPAAH YANG DIPERTUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN – MAJLIS DAERAH BACHOK – BANDAR PELANCONGAN ISLAM

03 Zulhijjah 1440H  
04 Ogos 2019

Majlis angkat sumpah yang diadakan dihadapan YB Dr. Pengerusi Jawantankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Negeri Kelantan bagi perlantikan YABrs. En. Hazmi b. Abdul Hamid sebagai Yang Dipertua bagi Majlis Daerah Bachok – Bandar Pelancongan Islam dan disaksikan oleh Pengarah Bahagian Kerajaan Tempatan.

## MAJLIS ANGKAT SUMPAAH YANG DIPERTUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN - MAJLIS DAERAH TANAH MERAH

03 Zulhijjah 1440H  
04 Ogos 2019

Majlis angkat sumpah yang diadakan dihadapan YB Dr. Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Negeri Kelantan bagi perlantikan YABrs. Tuan Haji Mohd Anis b. Hussein sebagai Yang Dipertua bagi Majlis Daerah Tanah Merah dan disaksikan oleh Pengarah Bahagian Kerajaan Tempatan.



## MAJLIS ANGKAT SUMPAAH YANG DIPERTUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN - MAJLIS DAERAH PASIR MAS

03 Zulhijjah 1440H  
04 Ogos 2019

Majlis angkat sumpah yang diadakan di hadapan YB Dr. Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Negeri Kelantan bagi perlantikan YABrs. Tuan Haji Nik Mohamed Noor bin Nik Ishak sebagai Yang Dipertua bagi Majlis Daerah Pasir Mas dan disaksikan oleh Pengarah Bahagian Kerajaan Tempatan.



## MAJLIS ANGKAT SUMPAH YANG DIPERTUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN - MAJLIS DAERAH GUA MUSANG

03 Zulhijjah 1440H  
04 Ogos 2019

Majlis angkat sumpah yang diadakan dihadapan YB Dr. Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Negeri Kelantan bagi perlantikan YABhg. Dato' Haji Norazman b. Abd. Ghani sebagai Yang Dipertua bagi Majlis Daerah Gua Musang dan disaksikan oleh Pengarah Bahagian Kerajaan Tempatan.



## AKTIVITI-AKTIVITI 2019



## PROGRAM KELANTANKU BERSIH SEMPENA GOTONG-ROYONG BAGI MENANGANI WABAK DENGGI NEGERI KELANTAN

16 Zulhijjah 1440  
17 Ogos 2019

Gotong-Royong Perangi Wabak Denggi Negeri Kelantan bertempat di Masjid Al-Fattah, Kg. Kota, Kota Bharu. Program turut melibatkan agensi-agensinya persekutuan dan negeri. Turut hadir YB. Hilmi bin Abdullah (Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan), YB. Dr Ramli bin Mamat (Adun Bunut Payong) dan YBrs. Dr Zaini bin Hussin (Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan).

## KARNIVAL IKBAR PERINGKAT NEGERI KELANTAN 2019

23 Zulhijjah 1440H  
24 Ogos 2019

Karnival IKBAR (Inisiatif Kelantan Bebas Asap Rokok) Peringkat Negeri Kelantan 2019.



## AKTIVITI-AKTIVITI 2019



### MAJLIS ANGKAT SUMPAAH YANG DIPERTUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN - MAJLIS DAERAH KETEREH - BANDAR PELANCONGAN ISLAM

04 Muharram 1441H  
03 September 2019

Majlis angkat sumpah yang diadakan di hadapan YB Dr. Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Negeri Kelantan bagi perlantikan YABrs. Tuan Haji Rosnazli Bin Amin sebagai Yang Dipertua bagi Majlis Daerah Ketereh - Bandar Pelancongan Islam.

## MAJLIS ANGKAT SUMPAAH YANG DIPERTUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN - MAJLIS DAERAH MACHANG

04 Muharram 1441H  
03 September 2019

Majlis angkat sumpah yang diadakan di hadapan YB Dr. Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Negeri Kelantan bagi perlantikan YABrs. Tuan Haji Ruslan Bin Hassan sebagai Yang Dipertua bagi Majlis Daerah Machang.



## AKTIVITI-AKTIVITI 2019



## MAJLIS ANGKAT SUMPAAH YANG DIPERTUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN - MAJLIS DAERAH TUMPAT

04 Muharram 1441H  
03 September 2019

Majlis angkat sumpah yang diadakan di hadapan YB Dr. Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Negeri Kelantan bagi perlantikan YABrs. En. Ibrahim Bakri Bin Mat Deris sebagai Yang Dipertua bagi Majlis Daerah Tanah Tumpat.



## ANUGERAH INOVASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI KELANTAN 2019

23-24 Muharram 1441 H  
22-23 September 2019



Persembahan dari wakil Majlis Daerah Bachok dengan tajuk “Jentera ‘Kuba Air’” untuk pencalonan Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan tahun 2019.



Persembahan dari wakil Majlis Daerah Dabong dengan tajuk “Rebate Cukai Pintu” untuk pencalonan Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan tahun 2019.

## AKTIVITI-AKTIVITI 2019



Persembahan dari wakil Majlis Daerah Jeli dengan tajuk “Gerai Rakyat – Membangun Bersama Islam” untuk pencalonan Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan tahun 2019.



Persembahan dari wakil Majlis Daerah Kuala Krai dengan tajuk “Smart Hanger” untuk pencalonan Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan tahun 2019.



Persembahan dari wakil Majlis Daerah Ketereh – Perbandaran Islam dengan tajuk “Pull System Leach Bin” untuk pencalonan Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan tahun 2019.



Persembahan dari wakil Majlis Daerah Machang dengan tajuk “Tong Sampah Lestari” untuk pencalonan Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan tahun 2019.



Persembahan dari wakil Majlis Daerah Tumpat dengan tajuk “Wheel Barrow City” untuk pencalonan Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan tahun 2019.



Persembahan dari wakil Majlis Daerah Pasir Mas dengan tajuk “Sistem Aduan ICT” untuk pencalonan Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan tahun 2019.



Persembahan dari wakil Majlis Daerah Tanah Merah dengan tajuk “ASAP – Alternatif Sumber Air Pejabat” untuk pencalonan Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan tahun 2019.



Persembahan dari wakil Majlis Daerah Pasir Puteh dengan tajuk “Kereta Sorong Serbaguna (KSG)” untuk pencalonan Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan tahun 2019.



Persembahan dari wakil Majlis Perbandaran Kota Bharu – Bandar Raya Islam dengan tajuk “Pelan Kelulusan Satu Hari” untuk pencalonan Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan tahun 2019.

## LAWATAN PERTANDINGAN KEBERSIHAN PBT SEMENA KELANTANKU BERSIH

22 Safar - 1 Rabiulawal 144H  
21 Oktober - 29 Oktober 2019



Lawatan pertandingan kebersihan di Majlis Daerah Bachok-Bandar Pelancongan Islam dan sekitar jajahan Bachok.



Lawatan pertandingan kebersihan di Majlis Daerah Gua Musang dan sekitar jajahan Gua Musang.

## AKTIVITI-AKTIVITI 2019



Lawatan pertandingan kebersihan di Majlis Daerah Jeli dan sekitar jajahan Jeli



Lawatan pertandingan kebersihan di Majlis Daerah Kuala Krai dan sekitar jajahan Kuala Krai.



Lawatan pertandingan kebersihan di Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam dan sekitar jajahan Kota Bharu (Ketereh).



Lawatan pertandingan kebersihan di Majlis Daerah Machang dan sekitar jajahan Machang



Lawatan pertandingan kebersihan di Majlis Daerah Pasir Mas dan sekitar jajahan Pasir Mas



Lawatan pertandingan kebersihan di Majlis Daerah Pasir Puteh dan sekitar jajahan Pasir Puteh.



Lawatan pertandingan kebersihan di Majlis Daerah Tanah Merah dan sekitar jajahan Tanah Merah



Lawatan pertandingan kebersihan di Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam dan sekitar jajahan Kota Bharu.

## SEATCA'S 7TH ASIA PACIFIC SMOKE-FREE MEETING

1 - 2 Rabiulakhir 1441 H  
28 - 29 November 2019

